



Jalan masuk ke Kampung Sri Asahan: Disebabkan pengaruh institusi Wakil Rakyat, terjadi kekecohan dalam pemilihan.....

Berubahnya Satu Wajah Tradisi

Oleh ALI MAJOD

SEBENARNYA kami semua sekeluarga." Itulah Jawapan kebanyakan penduduk Gemenceh sekiranya ditanyakan perihal perhubungan sesama mereka. Masyarakat mereka adalah masyarakat keluarga besar yang dijalin melalui persemendaan, pertalian darah, keturunan, jiran atau kenalan. Rasa kekeluargaan ini diperkukuh lagi oleh latar belakang etnik yang sama, agama yang sama ada kebudayaan yang sama.

Seimbangkan pandangan, memang demikianlah keadaan, tetapi jika diperhalusi, nampak gayanya setiap anggota masyarakat ini seperti hidup terpisah-pisah. Faktor ilmu alam seperti sungai, bukit, hutan dan estet memisahkan mereka sehingga terjadi pengelompokan melalui kampung-kampung. Kampung Sungai Jernih misalnya, dipisahkan dari Kampung Rokan oleh banjaran bukit. Kampung Gemenceh Baru dipisahkan dari Kampung Geduk oleh hutan dan estet. Kampung Bukit Rokan pula terperusuk jauh ke dalam. Walaupun perhubungan di antara berbagai kampung ini dipermudah oleh adanya jalan raya, namun jarak yang jauh masih menjadi halangan. Jarak paling dekat antara dua kampung dianggarkan lima km.

Keluarga besar didasarkan pada kumpulan rumah, yang menjadi tempat tinggal penduduk. Kelompok pertama menetap di Kampung Asahan yang terletak di utara; kelompok kedua menetap di kampung-kampung sepanjang jalan di antara pekan Gemenceh Lama dengan Kampung Sungai Jernih; kelompok

ketiga di kampung-kampung sepanjang jalan di antara Gemenceh Baru dengan Sungai Dua; kelompok keempat di kampung Bukit Rokan FELDA; kelompok kelima di Gemenceh Lama dan Gemenceh Baru yang merupakan perkampungan Cina; dan kelompok keenam di kampung-kampung sepanjang jalan di antara Gemenceh Lama dengan Kampung Rokan dan Ulu Rokan.

Hubungan di antara anggota masyarakat dalam keenam-enam kelompok ini tidaklah begitu intim akibat dipisahkan jarak. Umumnya, beginilah keadaannya bagi sebuah masyarakat yang besar. Bagaimanapun setiap kelompok mempunyai kemudahan dan institusi pentadbiran yang membolehkan mereka berdiri sendiri dan berhubung terus dengan pentadbiran pusat, iaitu Penghulu Mukim atau Pegawai Daerah Tampin. Kegiatan sosial, yang semua kelompok boleh ikut serta, amat jarang diadakan. Biasanya, kegiatan seumpama itu, jika diadakan, lebih bersifat kekeluargaan sekampung.

Selain keterpisahan akibat jarak, ada pula keterpisahan dari segi kepimpinan — adat dan politik. Kepimpinan adat berhubung langsung dengan tradisi Adat Perpatih yang menjadi pegangan penduduk setempat. Hierarki kepimpinan ini bermula dari Yang Dipertuan, turun ke Undang Luak Johol, Penghulu Luak Gemenceh dan kemudian Datuk Lembaga. Anehnya, Undang Luak Johol tinggal di Johol dalam Daerah Kuala Pilah, tidak dalam daerah Tampin.

Bidang kuasa kepimpinan tradisi ini terbatas dalam hal-ehwal Adat Perpatih. Kuasa pelaksana undang-undang adat dipegang oleh Datuk Lembaga. Kepimpinan tradisi hanya berkesan dalam hal adat istiadat perkahwinan, pertunangan atau kenduri untuk tugas-tugas yang mementingkan rasa kekitaan (*rites*

de passage). Masalah pembahagian harta pusaka, yang mengutamakan pancar perempuan, hanya selesai setelah pentadbir agama dan pejabat tanah ikut campur tangan. Pentadbir agama bertindak sebagai pembahagi dan pejabat tanah sebagai pengurus rekod, undang-undang dan pengeluaran geran.

Sungguhpun begitu, pimpinan tradisi ini masih mempertahankan nilai-nilai lama yang baik. Institusi gotong-royong kekal diwujudkan. Anggota masyarakat bekerja atas rasa ikhlas dan sukarela. Ada yang mencari kayu api, ada yang membuat balai, ada yang memasak dan ada yang membuat apa saja yang difikirkan bermanfaat. Nilai yang diterapkan oleh kegiatan seperti ini menanamkan perasaan kekitaan di kalangan anggota masyarakat.

Kepimpinan tradisi ini terpisah dari kepemimpinan baru yang berpusat pada Pegawai Daerah yang menetap di Tampin. Di bawah Pegawai Daerah ada Penghulu Mukim Gemenceh. Di bawah Penghulu Gemenceh ada Ketua Kampung. Di bawah Ketua Kampung ada Jawatankuasa Kemajuan Kampung. Selain hierarki kepemimpinan ini ada pula kepemimpinan Agama yang diketuai Kadi Daerah Tampin. Di bawahnya ada imam-imam masjid. Bidang kuasa kepemimpinan ini hanya terbatas pada pelaksanaan hukum syariah. Institusi kepemimpinan ini merupakan agen pentadbiran negeri yang berpusat di Seremban. Dan melalui institusi inilah semua kegiatan pentadbiran harian, pembangunan, kebajikan dan kepentingan masyarakat dijalankan.

Ada lagi satu institusi kepemimpinan baru, iaitu institusi Wakil Rakyat kawasan Gemenceh. Kuasa institusi ini meliputi kepemimpinan tradisi baru dan kepemimpinan agama. Institusi ini dapat diumpamakan satu bulatan yang merangkumi ketiga-tiga institusi kepemimpinan tadi. Walaupun ia tidak mempunyai kuasa eksekutif tetapi ia mempunyai pengaruh yang wajar dalam semua bentuk pentadbiran. Dari sudut pembangunan, keadaan ini sangat menguntungkan tetapi dari sudut lain keadaan ini merugikan, terutama dalam pemilihan pemimpin tradisi. Baru-baru ini disebabkan pengaruh institusi wakil rakyat, terjadi kekecohan dalam pemilihan Datuk Lembaga untuk Suku Tiga Nenek.

Pengaruh institusi Wakil Rakyat ini begitu besar hingga institusi ini menjadi tempat orang ramai me-

ngadu hal, baik yang sifatnya peribadi mahupun yang sifatnya rasmi yang menyangkut masalah masyarakat umum. Orang ramai menganggap kuasa institusi ini besar kerana ia wujud atas dasar parti politik. Parti politik, UMNO terutamanya, mempunyai cawangan dalam setiap kampung. Begitu kuatnya pengaruh parti ini hingga parti-parti lain sukar menembusnya. Parti inilah yang memainkan peranan yang berkesan dalam pembangunan. Justeru unsur dan semangatnya sebatu dalam hati masyarakat setempat. "Kami tidak akan menanam semula," demikian sebahagian besar masyarakat akan berkata apabila ada parti-parti lain cuba memujuk.

Akibat penekanan kepemimpinan baru terhadap kepentingan pembangunan dan ekonomi, timbullah kesan sampingan. Nilai-nilai tradisi seperti rasa kekitaan dan semangat gotong-royong semakin beransur ditelan sikap baru yang lebih berorientasi pada kebendaan dan status sosial. Wajah-wajah tradisi mulai berubah dengan anggota masyarakat leka mengejar kedudukan yang lebih baik dalam parti. Sebabnya, kedudukan demikian menjanjikan peluang untuk peningkatan status sosialnya. *Politiking* semakin menonjol menjadi satu nilai baru. "Tujuan" bagi menghalalkan "cara". Akhirnya setiap anggota mementingkan dirinya dan kelompoknya. Semangat tradisi kekitaan dimanfaatkan dalam bentuk yang *rigid* dan negatif sehingga muncullah istilah "orang kita" dan "orang dia". Yang berjaya mendapat perhatian bercokol, memantapkan diri dengan kepemimpinan baru manakala yang kecewa rela menjadi "pembangkang" di dalam parti.

Demikianlah, berubahnya satu nilai kehidupan dari satu daerah yang selama ini "lena dalam buaian zamannya". Tidak seorang pun peduli akan sebuah pekan kecil, kira-kira 30 km dari Tampin yang namanya Gemenceh. Hari ini sebahagian besar anggota masyarakatnya tidak lagi menghayati apa yang mereka katakan: "Sebenarnya kami semua sekeluarga". Unsur-unsur perubahan dalam sikap dan tingkah laku semakin muncul, semakin menjadi benteng penghalang kepada semangat kekitaan yang secara tradisi, menjadi pegangan hidup. Masyarakat Gemenceh telah melangkah keluar dari kepungan tradisinya, tidak lagi tahu bilakan berpatah balik. Soalnya apakah ada keinginan untuk berpatah begitu? □

"Saya menyemenda di Lenggeng, menebus di Pasir Besar dan bermastautin di Kuala Lumpur," kata Ali Majod memperkenalkan diri. Ali, 42 tahun, seorang anak Gemenceh, yang dibesarkan di tengah-tengah masyarakat yang masih kuat mengamalkan sistem Adat Perpatih. Untuk beberapa tahun Ali bertugas sebagai guru di Tampin, Gemas dan Seremban. Setelah itu Ali mengikat kontrak selama 4½ tahun dengan Dewan Bahasa dan Pustaka, Brunei. Ali kemudian melanjutkan pelajaran di Universiti Malaya. Dilantik sebagai tutor sebelum berpindah ke Dewan Bahasa dan Pustaka untuk bertugas sebagai Pegawai Penyelidik. Ali seorang cerpenis dan novelis untuk bacaan remaja dan tulisan dalam halaman ini adalah nukilan pengalamannya sebagai anak jati Gemenceh.

